



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

GARIS PANDUAN PERMOHONAN

**TABUNG AMANAH / PERUNTUKAN KHAS
RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)
NEGERI PULAU PINANG**

TAHUN 2026

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan berhubung tatacara Permohonan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang Tahun 2026, yang merangkumi kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan serta kecemasan berdasarkan syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

2. OBJEKTIF

2.1 Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk meringankan beban kewangan Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dalam menanggung kos-kos pembinaan, penyelenggaraan serta kecemasan di premis RIBI masing-masing.

2.2 Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk membantu Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dalam memastikan kelancaran operasi di premis RIBI masing-masing.

3. TAFSIRAN

Bagi maksud Garis Panduan Permohonan ini, melainkan jika konteksnya menyatakan sebaliknya, istilah-istilah berikut ditafsirkan seperti yang berikut:

3.1 **“Sumbangan Kewangan”** ertinya peruntukan sejumlah wang yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di bawah Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang bagi membantu dalam pembiayaan kos pelaksanaan kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan serta kecemasan berdasarkan skop kerja yang ditakrifkan sebagai keperluan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang.

3.2 **“Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)”** ertinya tapak ibadat yang berbentuk bangunan yang disediakan untuk penganut-penganut bagi memenuhi keperluan spiritual, melaksanakan upacara sembahyang, aktiviti dan perayaan keagamaan serta sebagai tapak interaksi untuk berkongsi ilmu keagamaan bukan Islam.

3.3 “**Pihak Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)**” ertinya individu yang memegang jawatan sebagai pengerusi, setiausaha atau bendahari yang diberi kuasa secara sah di bawah undang-undang boleh menguruskan Permohonan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang.

4. SKOP KERJA

4.1 “**Kerja-Kerja Pembinaan**” ertinya kerja-kerja yang melibatkan:

- a) Pembinaan Bangunan Baharu RIBI;
- b) Pembinaan Semula Bangunan RIBI;
- c) Kerja-Kerja Pengubahsuaian / Penyambungan / Penambahan Struktur RIBI yang memerlukan Pelan Bangunan dan / atau Surat Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

4.2 “**Kerja-Kerja Penyelenggaraan**” ertinya kerja-kerja yang melibatkan skop kerja sivil dan kerja elektrik termasuklah namun tidak terhad seperti yang berikut:

- a) Penstrukturan Semula Dalaman Bangunan;
- b) Pembaikan Kebocoran Siling dan Bumbung;
- c) Pembaikan Retakan Dinding dan Lantai Jubin;
- d) Pembaikan Sistem Perparitan dan Perpaipan;
- e) Pembaikan Tembok dan Pemasangan Pagar;
- f) Penukaran Sistem Pendawaian dan Litar Elektrik.

4.3 “**Kerja-Kerja Kecemasan**” ertinya kerja-kerja penyelenggaraan yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera akibat kerosakan atau kemusnahan yang berpunca daripada kejadian bencana alam atau lain-lain kejadian seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan sebagainya.

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

5.1 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) hendaklah:

- a) Berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)*; atau
- b) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
- c) Berdaftar dengan Badan / Institusi / Agensi Keagamaan (Induk); atau
- d) Penubuhan bawah Undang-Undang Sedia Ada; dan
- e) **Wajib** Berdaftar dalam Sistem eRIBI Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

*Pendaftaran ROS hendaklah di bawah kategori keagamaan. Jika didaftarkan di bawah kategori lain, pihak pengurusan RIBI perlu mengemukakan surat sokongan dan gambar sebagai bukti pelaksanaan aktiviti keagamaan.

5.2 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) hendaklah mempunyai **Akaun Bank yang aktif** atas nama RIBI dan mengemukakan **Salinan Penyata Akaun Bank yang jelas dan terkini (3 bulan yang lepas)**. Permohonan yang dikemukakan menggunakan bank akaun pihak ketiga (individu) tidak akan dipertimbangkan.

5.3 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) hendaklah mengemukakan **Salinan Dokumen Status Pemilikan Tanah** seperti berikut:

- a) Salinan Geran Tanah; dan
- b) Salinan Resit Cukai Tanah; dan
- c) Salinan Surat Kebenaran Guna Tanah Kerajaan Persekutuan / Negeri (Jika Berkaitan); atau
- d) Salinan Kelulusan Tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) (Jika Berkaitan); atau
- e) Salinan Asal Surat Persetujuan Pemilik Tanah / Bangunan – Tanah Persendirian / Persatuan / Pemegang Amanah (Jika Berkaitan); atau
- f) Salinan Asal Surat Persetujuan Perbadanan Pengurusan / *Management Corporation* (MC) bagi Bangunan Strata (Jika Berkaitan); atau
- g) Salinan Asal Surat Perjanjian Sewaan Tanah / Bangunan (Jika Berkaitan); atau

- h) Salinan Asal Dokumen Tambahan Berkenaan Proses Pemberimilikan Tanah / Bangunan Yang Sedang Dilaksanakan (Jika Berkaitan) seperti:
- (i) Kertas Kerja Proses Permohonan Tanah;
 - (ii) Kertas Kerja Proses Pembelian Tanah / Bangunan;
 - (iii) Kertas Kerja Proses Penukaran Hak Milik Tanah / Bangunan;
 - (iv) Kertas Kerja Proses Penukaran Syarat-Syarat Nyata Tanah;
 - (v) Dokumen Kes Mahkamah Pemberimilikan Tanah / Bangunan;
 - (vi) Lain-Lain Kertas Kerja Proses Berkenaan Tanah / Bangunan.
- i) Salinan Surat Kelulusan Pelan Bangunan dan / atau Surat Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (Pembinaan Sahaja).

*Sekiranya Pemilik Tanah telah meninggal dunia, Perintah Mahkamah perlu dikemukakan oleh pewaris yang dinamakan dalam Perintah tersebut dan kebenaran pewaris hendaklah dibuat melalui Surat Aku Janji atau *Power of Attorney*.

5.4 Permohonan Kerja-Kerja Kecemasan hendaklah mengemukakan **Laporan Polis** sebagai bahan bukti bagi rujukan jawatankuasa dalam meluluskan peruntukan untuk tujuan kecemasan.

5.5 Pelaksanaan bagi kerja-kerja pembinaan harus selesai mengikut persetujuan kontrak; manakala kerja-kerja penyelenggaraan harus selesai dalam tempoh masa **6 Bulan** atau **Setahun** berdasarkan kelulusan jawatankuasa. Pelaksanaan bagi kerja-kerja kecemasan tertakluk kepada tempoh yang difikirkan wajar dan munasabah oleh jawatankuasa.

5.6 Permohonan lanjutan masa pelaksanaan projek boleh dikemukakan bagi kelulusan jawatankuasa berdasarkan justifikasi yang wajar mengikut ketetapan Garis Paduan Permohonan Lanjutan Masa (EOT) Pelaksanaan Projek yang berpandukan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya – Edisi Ketiga (2010), Kementerian Kerja Raya Malaysia. Tempoh lanjutan masa pelaksanaan projek adalah dalam lingkungan **6 Bulan** sehingga **Setahun** atau tertakluk kepada tempoh yang difikirkan wajar dan munasabah oleh jawatankuasa.

5.7 Jawatankuasa Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang akan memberi **keutamaan** kepada **permohonan baharu** dan **permohonan bawah kerja-kerja kecemasan**.

5.8 Kelulusan peruntukan adalah **terhad** kepada satu projek bagi satu premis RIBI dalam tahun semasa. Permohonan boleh dikemukakan untuk kali kedua ***Selepas 3 Tahun***, kali ketiga ***Selepas 4 Tahun***, dan kali keempat ***Selepas 5 Tahun*** (kiraan tarikh permohonan adalah berdasarkan **Tahun Tarikh Pengeluaran No. EFT** oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang).

5.9 Pemohon **wajib** mengemukakan **Borang Pengakuan Penerimaan Bayaran, Borang Pengakuan Projek Siap** dan **Laporan Pelaksanaan Projek Siap** “termasuk **invois / resit pembayaran (asal / salinan)** dan **gambar projek**” setelah kerja yang dipohon dilaksanakan sepenuhnya. Dokumen ini harus dikemukakan dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh pembayaran kepada kontraktor / vendor. Kegagalan untuk berbuat demikian akan memudaratkan proses permohonan pada masa hadapan.

6. TATACARA PERMOHONAN

6.1 Pemohon mestilah mengemukakan **Surat Permohonan Rasmi** kepada **Urus Setia** dan melengkapkan **Permohonan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang Tahun 2026** dalam talian melalui pautan Sistem eRIBI (<https://eribi.gov.my>) yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

6.2 Pemohon hendaklah **memuat naik** (*upload* dalam Sistem eRIBI) dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Salinan **Sijil Pendaftaran Pertubuhan daripada ROS**; atau Salinan **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**; atau Salinan **Sijil Pendaftaran Badan / Institusi / Agensi Keagamaan (Induk)**; atau Salinan **Penubuhan bawah Undang-Undang Sedia Ada**; dan

- b) Salinan **Senarai Ahli Jawatankuasa RIBI Terkini** (e-Roses JPPM);
- c) Salinan **Penyata Akaun Bank** yang aktif, jelas dan terkini atas nama RIBI; dan
- d) Salinan **Dokumen Status Pemilikan Tanah RIBI** seperti yang disenaraikan di perenggan 5.3.

6.3 Dokumen sokongan kerja-kerja projek hendaklah turut dikemukakan:

- a) **Gambar-Gambar Kerosakan** bagi kerja-kerja pembinaan atau penyelenggaraan yang dipohon **berserta keterangan** (Gambar Berwarna); dan
- b) Salinan Asal **Tiga (3) Sebutharga** daripada **Tiga (3) Syarikat yang Berbeza** berserta Profil Syarikat SSM dan Jenis Perniagaan Syarikat tersebut bagi skop kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan yang dipohon. **(Dalam Bahasa Melayu / Inggeris Sahaja)**

6.4 Permohonan ini adalah untuk kerja-kerja yang **belum mula** atau **dalam pelaksanaan** sahaja. Hanya permohonan yang **lengkap** dan **menepati syarat kelayakan** yang telah ditetapkan sahaja akan diproses dan dinilai oleh jawatankuasa untuk dipertimbangkan kelulusannya. Permohonan yang diterima akan mula diproses selepas penutupan tarikh permohonan.

6.5 Permohonan yang **tidak lengkap** diberi tempoh **14 hari** untuk mengemaskini dokumen yang berkaitan. Kegagalan untuk melengkapkan dokumen permohonan akan mengundang kepada **Surat Batalan**. Pemohon harus mengulangi prosedur permohonan semula selepas Surat Batalan dikeluarkan.

6.6 Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan ini, sila hubungi pihak urus setia seperti butiran berikut:

**Urus Setia Jawatankuasa Tabung Amanah / Peruntukan Khas
Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang**
Pusat Harmoni Pulau Pinang,
No. 15, Jalan Scotland, 10450 George Town, Pulau Pinang
Telefon: +6012-203 1582
Emel: eribi@harmonico.my

6.7 **Tarikh Buka** Permohonan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang adalah pada **15 April 2026**. **Tarikh Tutup** Permohonan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang adalah pada **15 Mei 2026**.